

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apa itu Premier Lady Savers?

Ini adalah produk insurans. **Premier Lady Savers** menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Ia adalah pelan berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang melindungi kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK), dan perlindungan bagi penyakit wanita tertentu.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 2,500.00 tahunan, anda akan menerima perlindungan / manfaat insurans berkaitan pelaburan berikut sehingga umur 80 tahun.		
1	Manfaat Kematian	1) RM 200,000.00 ; dan 2) Nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas notis tuntutan diterima.
2	Manfaat Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (HUMK)	1) RM 200,000.00 ; dan 2) Nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas tarikh kelulusan HUMK, dibayar sekiranya orang yang diinsuranskan mengalami HUMK sebelum hari jadi ke-60, tertakluk kepada had RM2juta bagi setiap orang yang diinsuranskan.
3	Manfaat Penyakit Wanita: i. Kanser Invasif Wanita ii. Lupus Eritematosus Sistemik	1) RM 200,000.00 selepas ditolak sebarang tuntutan yang dibayar untuk karsinoma-in-situ uteri serviks atau payudara; dan 2) Nilai akaun pada penilaian berikutnya selepas notis tuntutan diterima. dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. Nota: Sebarang tuntutan yang dibayar bagi manfaat ini akan menamatkan pelan ini.
4	Manfaat Penyakit Wanita i. Karsinoma-in-situ Uteri Serviks atau Payudara	20% of RM 200,000.00 atau RM20,000, yang mana lebih rendah, dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. Nota: Tuntutan manfaat ini akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan berdasarkan jumlah tuntutan yang dibayar.
5	Manfaat Penyakit Wanita: i. Rekonstruksi sebelah payudara disebabkan kanser payudara ii. Rekonstruksi kedua-dua belah payudara disebabkan kanser payudara	30% of RM 200,000.00 atau RM30,000, yang mana lebih rendah, dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. 40% of RM 200,000.00 atau RM40,000, yang mana lebih rendah, dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. Nota: Tuntutan manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan. Kami hanya akan bertanggungjawab untuk 1 tuntutan sekali seumur hidup orang yang diinsuranskan ke atas manfaat ini.
6	Manfaat Penyakit Wanita i. Pembedahan rekonstruksi memperbaiki kecacatan muka akibat kemalangan	20% of RM 200,000.00 atau RM40,000, yang mana lebih rendah, dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. Nota: Tuntutan manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah yang diinsuranskan. Kami hanya akan bertanggungjawab untuk 1 tuntutan sekali seumur hidup orang yang diinsuranskan ke atas manfaat ini.
7	Manfaat Matang	Nilai akaun.
8	Manfaat Serahan	Nilai akaun.

Peringatan: Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran-butiran produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Insurans berkaitan pelaburan anda **mengecualikan**:

* Bunuh diri - jika kematian disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran.

* HUMK yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana perkara berikut:

- Kecederaan diri sendiri yang disengajakan atau cubaan membunuh diri;
- Penyertaan dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan, atau kekecohan awam.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans berkaitan pelaburan anda, anda boleh:

Hubungi kami di 1-300-88-6688 (Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank)	Lawati kami di laman web ini ¹	E-mel kami di info@etiqua.com.my	Imbas kod QR
--	---	--	--------------

¹ https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/privilege/protection/premier_ladysavers.page

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium	RM 2,500.00 tahunan
Tempoh: Sehingga umur 80 tahun.	

Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.												
Premium Diperuntukkan Untuk Pembelian Unit	70.00% jumlah premium tahun pertama polisi atau RM 1,750.00 Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut.											
Anda juga perlu membayar fi dan caj berikut:												
Caj Insurans	Caj insurans akan ditolak pada setiap bulan dari nilai akaun anda.											
Duti Setem	RM10.00 akan dibayar oleh kami											
Jumlah Komisen	1.12% daripada jumlah premium atau RM 1,400.00											
Caj-caj Lain Yang Dikenakan												
a) Caj Pentadbiran	RM6.00 setiap bulan.											
b) Fi Pengurusan Dana Tahunan	<table><tr><th>Dana Yang Dipilih</th><th>Peruntukan Pelaburan (% daripada amaun peruntukan)</th><th>Fi Pengurusan Dana Tahunan (% daripada Nilai Aset Bersih)</th></tr><tr><td>Dana Pendapatan Premier</td><td>50%</td><td>1.00%</td></tr><tr><td>Dana Ekuiti Premier</td><td>50%</td><td>1.50%</td></tr></table>			Dana Yang Dipilih	Peruntukan Pelaburan (% daripada amaun peruntukan)	Fi Pengurusan Dana Tahunan (% daripada Nilai Aset Bersih)	Dana Pendapatan Premier	50%	1.00%	Dana Ekuiti Premier	50%	1.50%
Dana Yang Dipilih	Peruntukan Pelaburan (% daripada amaun peruntukan)	Fi Pengurusan Dana Tahunan (% daripada Nilai Aset Bersih)										
Dana Pendapatan Premier	50%	1.00%										
Dana Ekuiti Premier	50%	1.50%										
c) Fi Pertukaran Dana	Pertukaran adalah percuma bagi 2 pertukaran pertama untuk setiap tahun polisi. Bagi setiap pertukaran berikutnya dalam tahun polisi yang sama caj sebanyak RM25.00 akan dikenakan.											
d) Caj Serahan	1% daripada nilai serahan untuk 5 tahun polisi yang pertama. Tiada caj serahan selepas tahun polisi ke-5.											
e) Caj Pengeluaran Separa	1% daripada nilai pengeluaran bagi setiap pengeluaran untuk pengeluaran yang dibuat dalam 5 tahun polisi yang pertama. Tiada caj pengeluaran separa selepas tahun polisi ke-5.											

4 Syarat Utama Lain

- * Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul bagi membantu kami membuat keputusan yang betul untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma polisi anda. Jika tidak, anda mungkin berisiko mengakibatkan polisi anda terbatal, tuntutan anda ditolak atau terma dan syarat polisi diubah.
- * Anda harus berpuas hati bahawa pelan itu memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar premium tersebut.
- * Tempoh tangguh – Tempoh masa tambahan yang diberikan kepada anda untuk membayar premium yang perlu dibayar. Tempoh tangguh di bawah polisi ini adalah 31 hari dari tarikh premium yang perlu dibayar.
- * Nilai akaun polisi berkaitan pelaburan anda bergantung kepada prestasi dana-dana berkaitan pelaburan yang anda pilih dan tidak dijamin. Penolakan unit akaun untuk caj polisi akan berterusan sepanjang tempoh polisi, walaupun selepas tempoh pembayaran premium.
- * Untuk mengelakkan polisi luput, anda mungkin perlu menambah premium pada masa akan datang jika nilai akaun tidak mencukupi untuk menampung caj dan fi polisi sepanjang tempoh polisi.
- * Pengeluaran automatik dan had pengeluaran separa – Pengeluaran adalah tertakluk kepada amaun minimum sebanyak RM500 bagi setiap dana dan nilai akaun minimum bagi jumlah pelaburan pemilik polisi mestilah dikekalkan sekurang-kurangnya 1,000 unit.
- * Perlindungan manfaat penyakit wanita anda hanya akan berkuat kuasa selepas 60 hari kalendar dari tarikh pengeluaran, atau tarikh pengembalian semula yang terkini, yang mana lebih kemudian.
- * Tempoh kelangsungan hidup manfaat penyakit wanita: 30 hari selepas didiagnosis dengan penyakit wanita.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

? Bolehkan saya membatalkan polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan polisi dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan polisi dengan memberi arahan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas polisi diterima oleh anda. Kami akan mengembalikan amaun (jumlah premium yang tidak diperuntukkan, nilai akaun dana pelaburan mengikut harga unit pada penilaian yang berikutnya dan sebarang caj dan fi polisi yang telah ditolak, ditolak sebarang kos perubatan yang ditanggung) kepada anda.
- **Selepas tempoh percuma:** Anda boleh membatalkan polisi dengan mengembalikan polisi kepada kami berserta permohonan serahan secara bertulis. Nilai serahan (jika ada) adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana berkaitan pelaburan yang anda pilih. Sila pertimbangkan dengan sewajarnya sebelum anda membuat serahan kerana nilai serahan mungkin kurang daripada premium yang telah dibayar dan tertakluk kepada caj serahan, jika ada.

Pengakuan Pelanggan*

Pastikan anda mengisi bahagian ini sendiri dan anda faham tujuan tandatangan anda.

- ☐ Saya mengakui bahawa Etiqa Life Insurance Berhad telah memberikan saya salinan Helaian Pendedahan Produk bagi Premier Lady Savers dan rider, sekiranya berkenaan.
- ☐ Saya telah membaca dan memahami maklumat utama yang terkandung dalam Helaian Pendedahan Produk ini bagi Premier Lady Savers dan rider, sekiranya berkenaan.

* Pengakuan pelanggan terhadap Helaian Pendedahan Produk ini tidak akan menjejaskan haknya untuk mendapatkan ganti rugi sekiranya berlaku pertikaian seterusnya mengenai terma dan syarat produk.

Nama:

Tarikh:

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang rider insurans berkaitan pelaburan anda.

Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apa itu Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan?

Kematian dan Hilang Upaya Akibat Kemalangan adalah satu rider penolakan unit yang boleh anda lampirkan pada pelan berkaitan pelaburan. Ia akan membayar manfaat kematian sekiranya orang yang diinsuranskan mengalami kecederaan akibat kematian yang menyebabkan kematian atau kehilangan anggota badan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider insurans berkaitan pelaburan berikut sehingga umur 70 tahun.

Manfaat Kematian atau Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	Sehingga RM 100,000.00 , berdasarkan kesan kematian, seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:	
	Keadaan yang Dilindungi	Peratus Jumlah Yang Diinsuranskan yang perlu dibayar
	Kematian	100%
	Hilang penglihatan kedua-dua mata yang menyeluruh dan tidak boleh dipulihkan	100%
	Hilang penggunaan dua atau lebih anggota badan	100%
	Hilang penglihatan sebelah mata menyeluruh dan Kekal DAN hilang daya satu anggota badan	100%
	Hilang penglihatan sebelah mata menyeluruh dan Kekal ATAU hilang daya satu anggota badan	50%
	Hilang ibu jari dan jari telunjuk mana-mana belah tangan pada atau di atas sendi metacarpo-phalangeal	25%

Peringatan: Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk maklumat tentang produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda **mengecualikan**:

- * Bunuh diri – jika pemilik polisi membunuh diri ketika waras atau tidak waras, dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran.
- * Hilang upaya yang berlaku secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh mana-mana yang berikut:
 - a) Kecederaan diri yang disengajakan atau cubaan bunuh diri;
 - b) Penyertaan di dalam apa-apa perbuatan jenayah atau menyalahi undang-undang, mogok, rusuhan, keganasan atau kekecohan awam.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda boleh merujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-88-6688 (Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank)	 Lawati kami di laman web ini ¹	 E-mel kami di info@etiqa.com.my	 Imbas kod QR
---	--	--	---

¹ https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/privilege/protection/premier_ladysavers.page

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk rider anda yang dilampirkan, anda mesti membayar yang berikut:

Caj Insurans	Caj insurans rider akan ditolak dari nilai akaun pada permulaan setiap bulan, melalui pembatalan unit sepanjang tempoh rider, sehingga umur tamat tempoh. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut mengenai caj insurans rider ini.
Tempoh: sehingga umur 70 tahun.	
Jumlah Komisen	Komisen yang dibayar merupakan sebahagian daripada premium anda untuk polisi anda.

4 Syarat Utama Lain

- * Sekiranya pemilik polisi mengalami lebih daripada satu kecederaan-kecederaan tersebut di atas, dari mana-mana satu kematian, kami akan hanya membayar untuk satu kecederaan yang mempunyai peratusan tertinggi jumlah yang diinsuranskan yang perlu dibayar.
- * Manfaat hanya akan dibayar jika ia disebabkan oleh kematian, keadaan yang dilindungi berlaku dalam masa 90 hari daripada tarikh kematian.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang rider insurans berkaitan pelaburan anda. Pelanggan lain telah membaca Helaian Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda harus membacanya juga.**

1 Apa itu Rider Kehamilan?

Rider Kehamilan adalah satu rider penolakan unit yang boleh anda lampirkan pada pelan berkaitan pelaburan. Ia membayar jumlah yang diinsuranskan rider bagi sebarang perlindungan tertentu berkaitan kehamilan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima perlindungan/manfaat rider insurans berkaitan pelaburan berikut sehingga umur 45 tahun.		
Perlindungan		RM 200,000.00
1	Manfaat Keabnormalan kongenital	RM 50,000 or 25% daripada jumlah yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah, dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. Nota: Tuntutan manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah diinsuranskan.
2	Manfaat Komplikasi Kehamilan	RM 20,000 or 20% daripada jumlah yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah, dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. Nota: Tuntutan manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah diinsuranskan.
3	Kematian Neonatal	RM 20,000 or 10% daripada jumlah yang diinsuranskan, yang mana lebih rendah, dibayar sebelum hari jadi ke-60 orang yang diinsuranskan. Nota: Tuntutan manfaat ini tidak akan mengurangkan jumlah diinsuranskan.
4	Kematian Orang Yang Diinsuranskan akibat Kelahiran Anak	50% daripada jumlah yang diinsuranskan. Nota: Sebarang tuntutan yang dibayar bagi manfaat ini akan menamatkan rider ini dan polisi asas.

Peringatan: Sila rujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran-butiran produk ini. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi kami atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Rider anda mengecualikan :	
* Komplikasi kehamilan atau bayi dilahirkan pada atau selepas orang yang diinsuranskan berumur 45 tahun pada hari lahir berikutnya.	
* Orang yang diinsuranskan atau bayi kepada orang yang diinsuranskan meninggal dunia dalam tempoh 1 tahun dari tarikh pengeluaran.	
* Kematian akibat bunuh diri.	
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai pengecualian yang lengkap.	

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai rider anda, anda boleh:

 Hubungi kami di 1-300-88-6688 (Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank)	 Lawati kami di laman web ini ¹	 E-mel kami di info@etiqa.com.my	 Imbas kod QR
---	--	--	---

¹ https://www.maybank2u.com.my/maybank2u/malaysia/en/personal/privilege/protection/premier_ladysavers.page

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk rider anda yang dilampirkan, anda mesti membayar yang berikut:	
Caj Insurans	Caj insurans rider akan ditolak dari nilai akaun pada permulaan setiap bulan, melalui pembatalan unit sepanjang tempoh rider, sehingga umur tamat tempoh. Anda boleh merujuk kepada ilustrasi jualan untuk butiran lanjut mengenai caj insurans rider ini.
Tempoh: sehingga umur 45 tahun.	
Jumlah Komisen	Komisen yang dibayar merupakan sebahagian daripada premium anda untuk polisi anda.

4 Syarat Utama Lain

* Rider ini adalah tertakluk kepada tempoh menunggu 1 tahun dari tarikh pengeluaran.	
* Kami hanya akan bertanggungjawab terhadap 1 tuntutan bagi setiap manfaat sepanjang hayat orang yang diinsuranskan.	
Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh . Anda perlu merujuk kepada polisi untuk senarai terma dan syarat yang lengkap.	

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.